A

RHB BANK BHD

lwn.

LIM CHWEE TEEN & SATU LAGI;
ROYAL & SUN ALLIANCE (M) BHD (GARNISI)

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
MOKHTARUDIN BAKI H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-197-1998]
7 NOVEMBER 2008

C

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman dan Perintah - Perintah garnismen - Permohonan mengenepikan - Plaintif pemiutang bercagar - Sama ada mempunyai hak terdahulu - Sama ada mempunyai lien dan merupakan pemegang sandaran - Sama ada hutang boleh ditahan - Garnisi - Sama ada telah mengambil "fresh step" di dalam prosiding - Sama ada dihalang dari*

D

mencabar kesahihan perintah garnismen - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A. 2 k. 2, A. 10 k. 1, A. 32 k. 6, A. 42 k. 13, A. 49, A. 92 k. 4

Plaintif dalam kes ini telah memfailkan guaman dan sekaligus telah merekodkan satu penghakiman persetujuan terhadap defendan-defendan

E

untuk jumlah RM309,921.54. Berikutnya, pada 5 Mac 2000, plaintif memohon satu perintah garnismen *ex parte* terhadap Royal & Sun Alliance (M) Bhd ('garnisi') di bawah A.49 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') berhubung suatu hutang yang dikatakan terakru daripada garnisi kepada defendan-defendan berdasarkan satu polisi insuran

F

yang dimasuki oleh defendan-defendan. Permohonan dibenarkan dan garnisi diperintah hadir di hadapan Timbalan Pendaftar pada 14 Jun 2000 untuk pendengaran lanjut. Garnisi, bagaimanapun gagal menghadirkan diri pada tarikh tersebut, dan berikutnya perintah nisi (bertarikh 27 April 2000) telah dijadikan mutlak ('perintah garnismen'). Garnisi telah memfailkan permohonan untuk penggantungan pelaksanaan, namun tidak

G

merayu terhadap penolakan permohonannya itu. Apapun, garnisi telah memfailkan saman dalam kamar bagi mengenepikan perintah garnismen di bawah A. 32 k. 6 dan A 92 k. 4 KMT. Fakta bagaimanapun menunjukkan bahawa, sebelum saman dalam kamar didengar, garnisi telah membayar sebanyak RM180,469.25 kepada plaintif. Pada 14 Julai

H

2003, Timbalan Pendaftar telah menolak saman dalam kamar, dan, tidak berpuas hati, garnisi merayu. Di hadapan yang arif hakim, garnisi antara lain berhujah bahawa perintah garnismen harus diketepikan dan bayaran sebanyak RM180,469.25 harus dikembalikan kepadanya oleh kerana: (i) defendan pertama adalah seorang bankrap ketika prosiding garnismen

I

dimulakan (yang bererti bayaran perlu dibuat kepada Ketua Pengarah Insolvensi dan bukannya kepada plaintif); dan (ii) tiada hutang yang boleh ditahan di bawah prosiding garnismen.

Diputuskan (menolak rayuan):

(1) Hujah bahawa oleh kerana defendan pertama seorang bankrap maka bayaran tidak boleh dibuat kepada plaintif sebaliknya kepada Ketua Pengarah Insolvensi adalah ditolak. Ini kerana hutang kepada plaintif adalah hutang yang bercagar (plaintif pemiutang bercagar) yang bererti plaintif mempunyai hak terdahulu. Juga, sebagai pemiutang bercagar, plaintif, menurut s. 8(2) Akta Kebankrapan 1967, boleh mengambil tindakan terhadap sekuritinya seolah-olah defendan tidak bankrap. (perenggan 14 & 21)

(2) Plaintif mempunyai lien ke atas barangan dan invois-invois di sini kerana barangan dan invois-invois tersebut tersebut telah diserah dan didepositkan kepada plaintif sebagai sekuriti sehingga "advances" yang diberi oleh plaintif kepada defendan-defendan dijelaskan. Selain itu plaintif adalah seorang pemegang sandaran yang mempunyai hak ke atas barangan tersebut. (perenggan 16 & 18)

(3) Jumlah terhutang dalam kes di sini menjadi perlu dibayar setelah berlaku kebakaran di premis berkenaan pada 14 Julai 1997, iaitu sebelum tindakan garnisi diambil terhadap garnisi. Jelasnya, pada masa perintah garnismen dibuat pada 14 Jun 2000, terdapat jumlah yang perlu dibayar oleh garnisi kepada defendan-defendan ('attachable debt at the date of the garnishee order'). Oleh itu, perintah garnismen adalah sah dan boleh dikuatkuasakan. (perenggan 26, 30 & 32)

(4) Garnisi tidak mengendahkan permohonan untuk perintah garnisi mutlak yang didengar pada 14 Jun 2000 dan tidak mengambil langkah bagi menghalang perintah garnismen dibuat oleh mahkamah. Garnisi sebaliknya telah membayar sejumlah RM180,469.25 kepada plaintif. Pendeknya, garnisi telah membiarkan perintah-perintah garnismen bertarikh 27 April 2000 dan 14 Jun 2000 dimasukkan secara ingkar tanpa menunjuk sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat. Maka garnisi dihalang dari mencabar kesahihan perintah garnismen yang dimasukkan itu. (perenggan 27 & 28)

(5) Garnisi telah memfail permohonan untuk penggantungan pelaksanaan tetapi tidak merayu terhadap keputusan Timbalan pendaftar yang menolak permohonan tersebut. Ini bermakna garnisi tidak mempertikai kesahihan perintah garnismen dan menerimanya sebagai sah di sisi undang-undang tetapi hanya mahukan pelaksanaannya sahaja digantung sementara menantikan permohonan interplider untuk menentukan pihak yang berhak untuk menerima wang RM180,469.25 tersebut. (perenggan 35)

A **(6)** Di bawah A. 2 k. 2(1) KMT seseorang defendan adalah dihalang dari memohon untuk mengenepikan suatu penghakiman ingkar jika telah mengambil "fresh step" di dalam prosiding. Dalam kes di sini, tindakan memfailkan permohonan untuk penggantungan pelaksanaan perintah garnismen adalah satu "fresh step" di dalam prosiding, dan
B oleh itu, garnisi dihalang dari memfailkan permohonan untuk mengenepikan perintah garnismen. (perenggan 37)

Kes-kes yang dirujuk:
Affin Bank Bhd v. Tan Sri Kishu Tirathrai [2004] 3 CLJ 350 HC ***(dirujuk)***
AM Arumugam v. Standard Chartered Bank [2006] 1 CLJ 357 CA ***(dirujuk)***
C *Capital Insurance Bhd v. Cheong Heng Loong Goldsmiths (KL) Sdn Bhd [2005] 4 CLJ 1 FC* ***(dirujuk)***
Cheng Heng Loong Goldsmiths (KL) Sdn Bhd & Anor v. Capital Insurance Berhad [2004] 1 CLJ 357 CA ***(dirujuk)***
Hong Leong Finance Berhad v. Pasir Permata Sdn Bhd & Ors [1989] 1 CLJ 939; [1989] 1 CLJ (Rep) 598 HC ***(dirujuk)***
D *Labtec Sdn Bhd v. Resilient Construction Sdn Bhd [1992] 4 CLJ 2147; [1992] 2 CLJ (Rep) 682 HC* ***(dirujuk)***
Pembinaan KSY Sdn Bhd v. Lian Seng Properties Sdn Bhd [1991] 1 MLJ 100 ***(dirujuk)***
Randall v. Lithgow [1884] 12 QBD 525 ***(dirujuk)***
Re Keever, A Bankrupt, Ex parte [1967] 1 Ch 182 ***(dirujuk)***
E

Perundangan yang dirujuk:
Bankruptcy Act 1967. s. 8(2)
Rules of the High Court 1980, O. 10 r. 1, O. 32 r. 6, O. 42 r. 13, O. 83, O. 92 r. 4

F **Sumber-sumber yang dirujuk:**
Halsbury's Laws of England, vol 36 4th edn, paras 101, 123, 135
The Hon. Sir Robert Megarry, *Snell's Principles of Equity*, 27th edn, Ms 438-439
The Supreme Court Practice 1999, Vol 1, para 49/1/34

G *Bagi pihak Garnisi - Chew Hew Wearn; T/n Chew Kar Meng, Zahardin & Partners*
Bagi pihak plaintif - Sharifah Shewikar; T/n Taye & Co

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

H

PENGHAKIMAN

Mokhtarudin Baki H:

[1] Di hadapan saya ialah rayuan oleh garnisi atas perintah Timbalan
I Pendaftar yang menolak permohonan garnisi.

Fakta ringkas: A

Plaintif, RHB Bank (pada mulanya bertindak atas nama Sime Bank Berhad) telah memfailkan writ saman terhadap defendan pertama dan kedua yang berniaga sebagai Hiap Yew Trading menuntut jumlah terhutang sebanyak RM309,921.54 beserta dengan faedah dan kos. Writ saman telah diserahkan kepada defendan-defendan mengikut A. 10 k. 1, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 melalui pos berdaftar A.R. Afidavit penyampaian telah difailkan sebagai bukti penyerahan seperti di kandungan (5). B

[2] Pada 11 Mac 1999 plaintif telah memfailkan saman dalam kamar (kandungan (7)) menurut A. 83 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 memohon penghakiman bagi jumlah yang dituntut dalam writ saman. C

[3] Pada 22 Jun 1999 saman dalam kamar (kandungan (7)) telah didengar di hadapan Penolong Kanan Pendaftar yang mana peguam kedua belah pihak telah memaklumkan bahawa pihak-pihak telah mencapai persetujuan dan seterusnya memohon agar satu penghakiman persetujuan direkodkan. Atas persetujuan pihak-pihak penghakiman persetujuan telah direkodkan menurut terma-terma permohonan dalam saman dalam kamar (kandungan (7)). Selanjutnya satu perintah penggantungan perlaksanaan penghakiman juga telah dikeluarkan untuk selama tempoh tiga bulan bermula dari 22 Jun 1999 atas persetujuan pihak-pihak. Selepas tamatnya tempoh tiga bulan tersebut pihak plaintif telah memohon melalui saman dalam kamar *ex parte* pada 5 Mac 2000 menurut A. 49 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk satu perintah garnismen. D E F

[4] Plaintif memohon satu perintah tunjuk sebab terhadap garnisi (Royal & Sun Alliance (M) Bhd) berhubung dengan satu hutang yang dikatakan terakru daripada garnisi kepada defendan-defendan berdasarkan satu polisi insuran yang telah dimasuki oleh pihak defendan-defendan. Permohonan *ex parte* tersebut kemudiannya telah dibenarkan (kandungan (27)) di mana pihak garnisi dikehendaki hadir di hadapan Timbalan Pendaftar pada 14 Jun 2000 untuk pertimbangan lanjut. Perintah nisi di kandungan (27) telah diserahkan kepada defendan-defendan dan garnisi secara pos berdaftar. Bukti penyampaian telah difailkan seperti di kandungn (29). G H

[5] Pada 14 Jun 2000 defendan-defendan dan pihak garnisi tidak hadir di hadapan timbalan pendaftar walaupun serahan telah dibuat. Atas ketidakhadiran mereka perintah *nisi* tersebut telah dijadikan mutlak pada 14 Jun 2000. I

[6] Kira-kira satu minggu lebih selepasnya iaitu pada 22 Jun 2000 pihak garnisi telah memfailkan pula satu saman dalam kamar (kandungan (33)) untuk mengenepikan perintah garnismen mutlak bertarikh 14 Jun 2000 tersebut menurut A. 32 k. 6 dan/atau A. 92 k. 4 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

[7] Namun begitu, pada 18 Disember 2000 peguam garnisi memohon untuk tarik balik saman dalam kamar (kandungan (33)) dengan kebebasan memfailkan semula. Ekoran dari itu kandungan (33) telah dibatalkan dengan kebebasan memfailkan semula.

[8] Pada 27 November 2002 peguam garnisi sekali lagi memfailkan saman dalam kamar untuk mengenepikan perintah garnismen mutlak bertarikh 14 Jun 2000 seperti di kandungan (96).

[9] Pada 14 Julai 2003 timbalan pendaftar telah menolak saman dalam kamar kandungan (96) dengan kos. Sebelum pendengaran saman dalam kamar kandungan (96) tersebut pihak garnisi telah membuat bayaran sebanyak RM180,469.25 kepada plaintif.

[10] Pihak garnisi tidak berpuashati dengan keputusan timbalan pendaftar telah memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar pada 24 Julai 2003. Pihak garnisi/perayu memohon:

(i) Perintah garnismen mutlak bertarikh 14 Jun 2000 diketepikan "*ex debito justitae*";

(ii) Perintah garnismen nisi bertarikh 27 April 2000 diketepikan *ex debito justitae*;

(iii) Writ penyitaan dan penjualan bertarikh 22 October 2001 diketepikan;

(iv) Bayaran sebanyak RM180,469.25 dan lain-lain kos yang telah dibayar oleh garnisi dikembalikan dalam masa tujuh hari dari tarikh perintah; dan

(v) Gantirugi ditaksirkan.

Pada dasarnya ada dua isu:

(1) Defendan pertama adalah seorang bankrap;

(2) Tiada hutang yang boleh ditahan di bawah prosiding garnismen.

[11] Defendan pertama adalah seorang bankrap ketika prosiding garnismen dimulakan.

[12] Isu ini tidak dibangkitkan oleh garnisi semasa pendengaran di hadapan timbalan pendaftar.

[13] Saya merujuk kes *Affin Bank Bhd v. Tan Sri Kishu Tirathrai* [2004] 3 CLJ 350 ms. 359: A

> These issues too were not raised in the affidavits to oppose the plaintiff's application for summary judgment. Since these issues were not raised in the defendant's affidavits, the plaintiff was precluded from being given an opportunity to respond positively to these factual matters by way of an affidavit. I have no hesitation to disregard these issues forthwith and, at any rate, these issues cannot possibly form a basis to set aside the summary judgment. B

[14] Hujah seterusnya; oleh kerana defendan pertama seorang bankrap bayaran perlu dibayar kepada Pejabat Kebankrapan (Ketua Pengarah Insolvensi) dan bukan kepada plaintif. Saya menolak hujah ini, kerana hutang kepada plaintif adalah hutang bercagar bererti plaintif mempunyai hak terdahulu. C

[15] Dalam kes *AM Arumugam v. Standard Chartered Bank* [2006] 1 CLJ 357 CA yang memetik kata-kata Scrutton LJ di dalam kes *National Provincial & Union Bank of England v. Charnley*: D

> I am not going to attempt an exhaustive definition of an equitable charge, but I think that the substance of an equitable charge is this: if an agreement be made to grant some interest in existing or future property for the purpose of securing the payment of a debt, that agreement to give the security confers an equitable security or charge, though all the formalities necessary to create the actual security have not been complied with. E

[16] Dalam kes kita di sini kepentingan yang dipegang oleh plaintif adalah barangan tersebut bersama bukti hakmilik mereka serta hasil jualannya yang merangkumi wang pampasan di bawah polisi insuran yang dibayar oleh garnisi. Oleh itu plaintif adalah pemiutang bercagar. F

[17] *'Pemegang lien'*: G

Plaintif mempunyai lien ke atas barangan tersebut dan invois-invois mereka kerana barangan dan invois-invois tersebut telah diserah dan/atau didepositkan kepada plaintif sebagai sekuriti sehingga 'advances' yang diberi oleh plaintif kepada defendan dan/atau 'the due payment of the draft/s mentioned overleaf drawn upon me/us" telah dibuat kepada plaintif oleh defendan-defendan. H

Rujuk:

(1) *Snell's Principles of Equity* Twenty-Seventh Edition by The Hon. Sir Robert Megarry mukasurat 438-439 I

A (2) In *Re Keever, A Bankrupt, Ex parte* [1967] 1 Ch. 182

(3) *Law of Banker And Customer (Fourth Edition)* by Poh Chu Chai

[18] *Sandaran (Pledge)*

B Sandaran (pledge) dalam kes kita di sini dibuat melalui resit amanah tersebut kerana barangan tersebut dan invois-invois mereka yang berkaitan dikatakan "now pledged to your bank as collateral security for advances and/or for the due payment of the draft/s mentioned overleaf drawn upon me/us by ...".

C

Menurut perenggan 101 Vol 36 *Halsbury's Laws of England* 4th Edition "pledge" is a bailment of personal property as a security for some debt or engagement.'

Sebagai pemegang sandaran, plaintif mempunyai hak ke atas barangan
D tersebut. Dan sekirnya pemberi sandaran dijatuhkan hukum bankrap, pemegang sandaran adalah pemiutang bercagar bagi barangan yang disandarkan sebelum tarikh perintah penerimaan.

[19] Rujuk perenggan 123 dan 135 Vol 36 *Halsbury's Laws of England*
E 4th Edition sandaran (pledge) dalam kes kita di sini adalah sah kerana barangan tersebut dan invois-invois mereka telah diserahkan oleh defendan-defendan kepada plaintif untuk disandarkan sebagai sekuriti kolateral yang kemudiannya diserahkan kepada defendan-defendan untuk membolehkan mereka menjual barangan tersebut dan menerima hasil jualannya sebagai pemegang amanah dan agen plaintif.

F

[20] Rujuk *AM Arumugam v. Standard Chartered Bank, supra*, di ms. 212:

> When the three documents are read together, it is clear as between
G the judgment debtor and the claimant that the goods or documents of title were delivered to the claimant and redelivered to the judgment debtor. In any event it is trite law that the judgment debtor, in the face of his written acknowledgement in the trust receipt, will not be allowed to say or to adduce evidence to say, in contradiction to his written acknowledgement, that the goods and titles were not originally
H delivered by him to the claimant by way of pledge or security and thereafter redelivered to him by the claimant. ....

[21] Maka, sebagai pemiutang bercagar, menurut s. 8(2) Akta Kebankrapan 1967, plaintif boleh mengambil tindakan terhadap sekuritinya seolah-olah defendan tidak bankrap. Oleh yang demikian plaintif tidak
I perlu memohon kebenaran mahkamah untuk mengambil dan atau meneruskan dengan tindakan ini.

Hutang yang boleh ditahan

Mahkamah Rayuan dalam kes *Cheng Heng Loong Goldsmiths (KL) Sdn Bhd & Anor v. Capital Insurance Berhad* [2004] 1 CLJ 357 perenggan 376 telah menjawab persoalan:

> ... was there a debt owing from the respondent to Chan as at the date when the attachment proceedings were commenced by the appellant?.

[22] Jawapannya di perenggan 377:

> Now, applying the definition of a debt by Lindley LJ in *Webb v. Stenton* [1883] 11 QBD 518 and accepting the proposition that a contingent debt is not a debt until the contingency happens, it is clear that on the facts of the present case, the requisite contingency has happened. The question posed, namely, whether there was a debt owing from the respondent to Chan as at the date when the attachment proceedings were commenced by the appellant, must be answered in the affirmative.

[23] 'Contingency' dalam kes tersebut adalah kejadian kecurian.

[24] Rayuannya ke Mahkamah Persekutuan diputuskan berdasarkan samada fakta kejadian kecurian benar-benar telah berlaku atau tidak. Mahkamah Persekutuan sama sekali tidak menolak keputusan Mahkamah Rayuan tersebut di atas bahawa hutang dikatakan menjadi perlu dibayar setelah kejadian 'contingency' berlaku. Di ms. 20 *Capital Insurance Bhd v. Cheong Heng Loong Goldsmiths (KL) Sdn Bhd* [2005] 4 CLJ 1 Abdul Hamid Mohamad FCJ telah mengatakan:

> I shall now consider the issues that have been argued before us. Learned counsel for the appellant in his written submission submitted on three main points:
>
> (a) admissibility of P9;
>
> (b) whether there is a garnishable debt;
>
> (c) error in quantum and the calculation of interest.
>
> However, in my view, the crux of the matter is (b) ie, whether there is a garnishable debt. However, to decide that issue, other sub-issues will have to be considered and decided upon. They are:
>
> (a) Whether there was really a hold-up or robbery, whether P9 is admissible, whether P9 is conclusive proof of robbery, whether P9 amounts to an admission on the part of the appellant to the respondent, whether there was in fact an admission made by the appellant to the respondent, whether the court should consider other evidence and if so, whether on the totality of the evidence it is proved that there was such a robbery.

A (b) Whether liability of the appellant has been admitted or proved.

However, the whole case turns of the answer to the question whether there was a hold-up or robbery or not. It must be noted here that it is the respondent that alleges the robbery and the respondent must prove it.

B

[25] Dalam kes kita di sini, polisi insuran yang berkenaan di ms. 25 berbunyi:

The Company agrees ... that if after payment of the premium the Property insured described in the said Schedule, or any part of such
C Property, be destroyed or damaged by Fire or Lightning at any time during the Period of Insurance (both dates inclusive) named in the said Schedule .... the Company will pay to the Insured the value of the property at the time of the happening of its destruction or the amount of such damage or ....

D **[26]** Jumlah terhutang dalam kes kita di sini menjadi perlu dibayar setelah kebakaran berlaku pada 14 Julai 1997 iaitu sebelum tindakan garnisi ini diambil terhadap garnisi. Maka pada masa perintah garnismen dibuat pada 14 Jun 2000, terdapat jumlah yang perlu dibayar oleh garnisi kepada defendan-defendan dan oleh itu perintah garnismen tersebut
E adalah sah dan boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang.

Estoppel

Garnisi telah membayar wang RM180,469.25 tersebut kepada plaintif pada 4 September 2002 tanpa syarat atau bantahan (rujuk perenggan 7
F afidavit plaintif di ms. 80 Ikatan Kandungan 125 yang tidak dijawab oleh garnisi).

[27] Pengetahuan garnisi tentang permohonan untuk perintah garnisi mutlak yang didengar pada 14 Jun 2000 boleh dilihat dari pengakuan 'gagal hadir' garnisi di perenggan 4 afidavit Wong Chee Vein di ms. 17
G Ikatan Kandungan 124. Garnisi tidak mengendahkan permohonan tersebut dan tidak mengambil langkah menghalang perintah garnisi mutlak dibuat oleh mahkamah dan sebaliknya membayar jumlah RM180,469.25 pada 4 September 2002. Garnisi telah membiarkan perintah-perintah garnismen bertarikh 27 April 2000 dan 14 Jun 2000
H dimasukkan secara ingkar tanpa menunjuk sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

[28] Menurut kes *Labtec Sdn Bhd v. Resilient Construction Sdn Bhd* [1992] 4 CLJ 2147; [1992] 2 CLJ (Rep) 682 tindakan ini
I menghalangnya dari mencabar keesahan perintah garnisi mutlak yang dimasukkan dengan pengetahuan garnisi. Di ms. 689 nas tersebut:

> Furthermore when the garnishee having failed to show cause to the satisfaction of the SAR resulting in the said order being made absolute, they went on to pay the garnished sum in order to have the attachment of their property uplifted. Having done so they are now precluded from challenging the validity of the garnishee order absolute granted on 27 August 1990 ...

[29] Dalam kes *Randall v. Lithgow* [1884] 12 QBD 525, perintah garnisi didapati secara engkar pada bulan April 1883 dan garnisi telah mengawad defendan sejumlah wang di bawah polisi insuran kebakaran pada bulan Disember 1883. Namun demikian, mahkamah telah memutuskan:

> Held, that although no attachable debt was in existence at the date of the garnishee order, yet it, not having been set aside, entitled the plaintiff to issue execution for 127/., and that the interpleader order was wrong.

[30] Dalam kes kita di sini kebakaran telah berlaku sebelum perintah garnismen dibuat, jadi sememangnya sudah ada "attachable debt at the date of the garnishee order.".

[31] Di ms. 529-530 nas tersebut dinyatakan:

> The insurance company have placed themselves in their present difficulty by allowing the order of the 7th of April, 1883, to be made against them by default instead of appearing and shewing cause against it, and stating, as the fact was, that there was no debt due or accruing due from them to the judgment debtor, Lithgow.
>
> The order appealed against must therefore be reversed and the order of the Master dismissing the summons must be restored and the insurance company must pay to the plaintiff the costs of the appeal to the judge and of this appeal.

[32] Maka, garnisi tidak berhak untuk mengenepikan perintah garnismen dalam kes kita di sini setelah gagal hadir pada tarikh pendengaran perintah garnismen menunjuk sebab.

[33] Menurut *The Supreme Court Practice* 1999, Vol 1 di perenggan 49/1/34, garnisi dihalang dari mencabar perintah garnisi atas alasan tiada hutang yang perlu dibayar (no debt due) sekiranya garnisi tidak mengambil langkah untuk membantahnya sebelum perintah dibuat. Persoalan samada terdapat 'debt due' atau tidak, sepatutnya dikemukakan pada peringkat pendengaran permohonan untuk mendapatkan perintah garnismen mutlak bukan selepas itu. Oleh itu segala hujah garnisi tentang tiada liabiliti membayar disebabkan 'no debt due' adalah terlewat dan tidak lagi boleh didengar oleh mahkamah yang mulia ini.

[34] Tetapi selanjutnya dalam kes kita di sini, tidak cukup dengan kegagalan hadir, garnisi telahpun membayar jumlah yang digarnis tanpa bantahan dan tanpa syarat, oleh itu jelas garnisi terperangkap oleh tindakannya sendiri dan tidak boleh mempertikaikan liabilitinya untuk membayar wang yang digarnis kepada plaintif.

[35] Langkah garnisi untuk memohon penggantungan pelaksanaan perintah garnismen adalah bertentangan dengan permohonan ini. Selepas perintah garnismen dibuat pada 14 Jun 2000, garnisi telah memfailkan permohonan untuk penggantungan pelaksanaan pada 27 Oktober 2001 yang telah dihujahkan dan garnisi tidak merayu terhadap keputusan timbalan pendaftar mahkamah yang menolak permohonan tersebut. Ini bermakna garnisi tidak mempertikai kesahihan perintah garnismen tersebut dan menerimanya sebagai sah di sisi undang-undang tetapi mahukan pelaksanaanya sahaja digantung sementara menantikan permohonan interplider untuk menentukan pihak yang berhak untuk menerima wang RM180,469.25 tersebut.

[36] Dalam *Hong Leong Finance Berhad v. Pasir Permata Sdn. Bhd. & 5 Ors.* [1989] 1 CLJ 939; [1989] 1 CLJ (Rep) 598, mahkamah telah memutuskan bahawa defendan dihalang dari memohon untuk mengenepikan penghakiman engkar setelah membantah permohonan plaintif untuk perintah garnismen mutlak kerana:

> By so doing, the 3rd defendant had taken fresh steps in the proceedings and under O. 2 r. 2(1) he is precluded from applying to have the judgment in default set aside as is deemed to have waived such right.

[37] Dalam kes kita di sini tindakan memfailkan permohonan untuk penggantungan pelaksanaan perintah garnismen adalah 'fresh step' dalam presiding ini dan oleh itu garnisi dihalang dari memfailkan permohonan untuk mengenepikan *inter alia* perintah garnismen di sini.

[38] *Kelewatan*

Meskipun mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk mengenepikan suatu perintah yang dimasukkan secara engkar, pemohon perlu mematuhi peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan permohonan sedemikian. A. 32 k. 6 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang dirujuk oleh garnisi perlu dibaca bersama A. 42 k. 13 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 iaitu permohonan perlu dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh perintah diserahkan.

Rujuk afidavit plaintif bertarikh 24 Februari 2003 di ms. 81 Ikatan Kandungan 125 - di perenggan 8 dan 11. Di situ dijelaskan kelewatan garnisi dalam memfailkan saman dalam kamar (kandungan 96) bertarikh

27 November 2002 selepas perintah garnisi mutlak dibuat pada 14 Jun 2000 adalah dua tahun empat bulan dan hampir tiga bulan selepas writ penyitaan dan penjualan dilaksanakan.

[39] Jikapun garnisi telah menarikbalik permohonan pertama untuk mengenepikan perintah garnismen dengan kebebasan memfailkan semula, permohonan yang baru mesti difailkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh garnisi mengakui menerimanya pada 17 Julai 2000 (para 5 afidavit garnisi bertarikh 25 Julai 2000 di ms. 34 Ikatan Kandungan 124).

[40] *Penutup*

Perlaksanaan writ penyitaan dan penjualan dibuat selepas permohonan penggantungan ditolak dan adalah berasaskan perintah yang sah dan tidak diketepikan dan plaintif hanya bertindak melaksanakannya selepas garnisi gagal mematuhinya. Oleh itu pelaksanaan writ penyitaan dan penjualan di sini adalah sah di sisi undang-undang dan garnisi tidak berhak untuk menuntut gantirugi.

[41] Mahkamah Agung dalam *Pembinaan KSY Sdn Bhd v. Lian Seng Properties Sdn Bhd* [1991] 1 MLJ 100:

> Held,
>
> The default judgment in this case until set aside is a good and enforceable judgment and the appellant company was perfectly entitled to rely on the default judgment ...

[42] Oleh yang demikian jika rayuan garnisi di sini dibenarkan maka kesannya adalah garnisi dibenarkan menyimpan wang pampasan tersebut tanpa melepaskannya kepada pihak yang berhak menerimanya sedangkan garnisi telah mengakui wang tersebut perlu dibayar dan memerlukan panduan atau perintah mahkamah kepada siapa wang tersebut perlu dibayar. Jadi jika rayuan garnisi dibenarkan ia akan menyebabkan berlakunya ketidakadilan dan penyalahgunaan proses mahkamah kerana sememangnya terdapat hutang yang boleh ditahan yang perlu dibayar oleh garnisi kepada defendan-defendan dan kebankrapan defendan pertama tidak menghalang bayaran wang pampasan tersebut kepada plaintif.

[43] Dengan alasan di atas rayuan ditolak dengan kos.